

**KECENDERUNGAN GURU PKPG (4SPH) TERHADAP BIDANG
KEUSAHAWANAN**

NORSILA BINTI ABDUL RAHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : KECENDERUNGAN GURU PKPG (4SPH) TERHADAP
BIDANG KEUSAHAWANAN

SESI PENGAJIAN : 2007 / 2008

Saya NORSILA BINTI ABDUL RAHMAN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan.)


TIDAK TERHAD *

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: 102, BLOK G11, SEKSYEN 2,
BANDAR BARU WANGSA MAJU,
53300 KUALA LUMPUR.



(TANDATANGAN PENYELIA)

EN. SHAHRIN BIN HASHIM
Nama Penyelia

Tarikh: 28 APRIL 2008

Tarikh: 28 APRIL 2008

- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : EN. SHAHRIN BIN HASHIM
Tarikh : 28 APRIL 2008

**KECENDERUNGAN GURU PKPG (4SPH) TERHADAP BIDANG
KEUSAHAWANAN**

NORSILA BINTI ABDUL RAHMAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi
serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

April, 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama penuh : NORSILA BINTI ABDUL RAHMAN

Tarikh : 28 APRIL 2008

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani.
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T tuhan seluruh alam.
Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W.

Buat ayahanda dan Bondaku,,

*Abdul Rahman bin Awang
Hasnah bt Khalid*

Tiada apa yang dapatku bicarakan hanya doamu mengiringi setiap detik perjalanan hidup anakandamu ini. Harapanmu lebih sedekad yang lalu kini telah ku tunaikan jua.

Buat kekanda dan adinda-adindaku,

*Noraini bt Abdul Rahman
Nor Ashikin bt Abdul Rahman
Norahayu bt Abdul Rahman
Muhamad Ismail b Abdul Rahman
Norhidayah bt Abdul Rahman,*

Segala dorongan, pengorbanan dan keikhlasan bantuanmu tidak termampu diungkapkan dengan kata-kata. Hanya Allah sahaja yang maha mengetahui dan membalasnya serta maafkanlah segala kekhilafan yang lalu.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, penyelidikan ini dapat disempurnakan seperti yang dicita-citakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. pesuruh Allah yang amat dikasihi.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada penasihat penyelidikan, En. Shahrin bin Hashim yang tanpa jemu menghulurkan bimbingan, panduan, tunjuk ajar dan nasihat. Juga tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Baharin bin Abu dan Dr. Abdul Rahim bin Hamdan selaku penilai PSM di atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan bagi menambahbaik hasil penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga dan hanya Allah S.W.T. yang mengetahui dan membalas jasa-jasa yang sangat besar ini.

Sekalung ucapan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dan guru-guru PKPG (4SPH) yang terlibat dan membantu secara langsung dalam penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas untuk ayah dan ibu yang tanpa jemu mendoakan kejayaan serta harapan yang tinggi lebih sedekad yang lalu untuk melihat anakmu ini ke menara gading.

Buat rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berusaha, bertungkus-lumus dan membantu untuk menyiapkan Projek Sarjana Muda (PSM) ini, segala pertolongan dan tunjuk ajar yang diberikan akanku kenang hingga ke akhir hayat dan semoga kita semua menjadi pendidik yang cemerlang dan berjaya di dunia dan akhirat.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan guru PKPG (4SPH) terhadap bidang keusahawanan. Kajian ini berbentuk deskriptif iaitu menggunakan soal selidik. Seramai 94 orang guru PKPG (4 SPH) yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru di Universiti Teknologi Malaysia yang dipilih sebagai sampel kajian. Faktor kecenderungan yang dikaji meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan. Analisis dapatan kajian dilaksanakan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS 13.0)*. Darjah kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.8751. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan adalah pada tahap yang tinggi. Berdasarkan dapatan ini, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan.

ABSTRACT

The purpose of this research was to identify the tendencies of PKPG (4SPH) teachers in the entrepreneurship. This research was in form of descriptive where it used questionnaires. 94 PKPG (4SPH) teachers were involved in this research where all of the respondents were studying in *Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG)* at University Technology of Malaysia. The factors of tendency that were studied in this research were the level of knowledge, skills and teachers' attitude towards entrepreneurship. The data collected has been analyzed by *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* version 13.0. The reliability value of Cronbach Alpha in the instrument used was 0.8751. The findings showed that the level of knowledge, skills and teachers' attitude towards entrepreneurship were at high level. Based on the findings, some recommendations have been put forward to improve the level of knowledge, skills and attitude towards the entrepreneurship

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS	-
	PENGESAHAN PENYELIA	-
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	9

1.8	Definisi Istilah	9
1.8.1	Kecenderungan	9
1.8.2	Guru PKPG	10
1.8.3	Keusahawanan	10
1.8.4	Pengetahuan	11
1.8.5	Kemahiran	11
1.8.6	Sikap	12
BAB 2	SOROTAN PENULISAN	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Bidang Keusahawanan	13
2.2.1	Inovatif	15
2.2.2	Kebebasan atau Hak Milik	16
2.2.3	Prestasi Luar Biasa	17
2.2.4	Menilai dan Menghormati Tugas	18
2.3	Persiapan Pembangunan Kemahiran	19
2.3.1	Kemahiran Teknikal	20
2.3.2	Kemahiran Kemanusiaan	20
2.3.3	Kemahiran Konseptual	21
2.4	Motivasi Keusahawanan	21
2.5	Teori dan Model Kerja	24
2.5.1	Kompetensi Keusahawanan	24
2.5.2	Model Pendidikan Keusahawanan Miller, 1983	26
2.5.3	Kerangka Konsep	28
2.6	Kajian-kajian Lepas	29
2.6.1	Kajian Luar Negara	29
2.6.2	Kajian Dalam Negara	30
2.7	Kesimpulan Kajian-kajian Lepas	33

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	34
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.2.1	Pembolehkan Kajian	35
3.3	Tempat Kajian	36
3.4	Persampelan Kajian	36
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	36
3.6	Instrumen Kajian	37
3.7	Kajian Rintis	39
3.7.1	Kesahan Instrumen Kajian	40
3.7.2	Kebolehpercayaan Kajian	40
3.8	Prosedur Kajian	41
3.9	Analisis Data	41
3.10	Kesimpulan	43
BAB 4	ANALISIS DATA	44
4.1	Pengenalan	44
4.2	Analisis Soal Selidik Bahagian A (Latar Belakang Responden)	44
4.2.1	Jantina	45
4.2.2	Umur	45
4.2.3	Tempoh Perkhidmatan	46
4.2.4	Bangsa	46
4.2.5	Opsyen Utama dalam Diploma Pendidikan Malaysia atau Sijil Perguruan	47
4.2.6	Pengalaman Mengajar Kemahiran Hidup	48
4.3	Analisis Bahagian B	49

4.3.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan?	49
4.3.2	Persoalan Kajian 2: Apakah Kemahiran Guru Dalam Bidang Keusahawanan?	56
4.3.3	Persoalan Kajian 3: Apakah Sikap Guru Terhadap Keusahawanan?	62
4.4	Analisis Keseluruhan	66
4.5	Kesimpulan	68
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	69
5.1	Pengenalan	69
5.2	Perbincangan	69
5.2.1	Persoalan Kajian 1: Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan	69
5.2.2	Persoalan Kajian 2: Kemahiran Guru Dalam Bidang Keusahawanan	72
5.2.3	Persoalan Kajian 3: Sikap Guru Terhadap Keusahawanan	75
5.3	Cadangan	79
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	80
5.5	Rumusan dan Kesimpulan	81
	RUJUKAN	87
	LAMPIRAN A - C	94

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pemboleh ubah Kajian	35
3.2	Pembahagian Soalan Dalam Borang Soal Selidik	37
3.3	Jadual Pemarkahan untuk Skala Likert	38
3.4	Bahagian Item Dalam Borang Soal Selidik	39
3.5	Pengkelasan Skor Min dan Tahap	42
3.6	Analisis Persoalan Kajian, Nombor Item dan bentuk Statistik	42
4.1	Profil Responden Mengikut Jantina	45
4.2	Profil Responden Mengikut Umur	45
4.3	Profil Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	46
4.4	Profil Responden Mengikut Bangsa	46
4.5	Profil Responden Mengikut Opsyen Utama dalam Diploma Pendidikan Malaysia atau Sijil Perguruan	47
4.6	Profil Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Kemahiran Hidup	48
4.7	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min Responden bagi Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan dari segi Konsep Keusahawanan	50
4.8	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min	52

	Responden bagi Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan dari segi Program-Program Dan Kursus	
4.9	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min Responden bagi Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan dari segi Pendekatan atau Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	54
4.10	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min Responden bagi Kemahiran Guru dalam Bidang Keusahawanan dari segi Pelaksanaan Aktiviti dan Program	56
4.11	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min Responden bagi Kemahiran Guru dalam Bidang Keusahawanan dari segi Pengurusan	58
4.12	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min Responden bagi Kemahiran Guru dalam Bidang Keusahawanan dari segi Hubungkait dengan Mata Pelajaran	60
4.13	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min Responden bagi Sikap Guru Terhadap Keusahawanan dari segi Minat Guru	62
4.14	Analisis Bilangan, Peratusan dan Min Responden bagi Sikap Guru Terhadap Keusahawanan dari segi Sikap Positif Terhadap Keusahawanan	64
4.15	Analisis Keseluruhan dan Tahap Berdasarkan Persoalan Kajian	66

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kompetensi Keusahawanan	24
2.2	Model Pendidikan Keusahawanan Miller (1983) dari Oklahoma State	26
2.3	Kerangka Konsep	28
5.1	Analisis Keseluruhan Item Soalan Bagi Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan	81
5.2	Analisis Keseluruhan Item Soalan Bagi Kemahiran Guru Dalam Bidang Keusahawanan	82
5.3	Analisis Keseluruhan Item Soalan Bagi Sikap Guru Terhadap Keusahawanan	84
5.4	Analisis Keseluruhan Kecenderungan guru Berdasarkan Persoalan Kajian	85

SENARAI SINGKATAN

UTM	Universiti Teknologi Malaysia
PKPG	Program Khas Pensiswazahan Guru
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
SPSS	Statistical Packages for the Social Science
PTV	Pendidikan Teknik Vokasional
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
SS	Sangat Setuju
S	Setuju
TP	Tidak Pasti
TS	Tidak Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
SN/ KH	Sains/Kemahiran Hidup
PM/KH	Pengajian Melayu/Kemahiran Hidup
MT/KH	Matematik/Kemahiran Hidup
PT/KH	Pengajian Tamil/Kemahiran Hidup
PA/KH	Pengajian Agama/Kemahiran Hidup
PC/KH	Pengajian Cina/Kemahiran Hidup
PM/KT	Pengajian Melayu/Kajian Tempatan
MT/SN	Matematik/Kemahiran Hidup
MT/KT	Matematik/Kajian Tempatan
SN/PA	Sains/Pengajian Agama

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Set Soal Selidik	94
B	Surat Pengesahan UTM	98
C	Surat Pengesahan Item Soal Selidik	99

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang Keusahawanan berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara kita. Ia merupakan landasan kepada pembangunan insan dan antara agenda utama negara kita. Pegangan hidup yang berlandaskan nilai-nilai murni seperti agama, masyarakat dan alam merupakan aspek pembangunan insan yang terus wujud di negara kita. Kerajaan menggalakkan institusi pendidikan dijadikan sebagai tempat bagi memupuk insan yang boleh menyumbang dan mengamalkan cara hidup yang positif, selain berjaya mencapai pendidikan tinggi dan menjadi seorang yang cemerlang.

Usaha-usaha ke arah menjadikan pelajar mendekati dan lebih cenderung terhadap keusahawanan perlu dilaksanakan bersama oleh semua pihak bagi menjadikan hasrat dan impian untuk memenuhi keperluan individu, keluarga, masyarakat dan negara serta cabaran-cabaran terkini hasil daripada pengaruh besar globalisasi, liberalisasi dan K-ekonomi dapat dihadapi dengan mudah. Penglibatan kerajaan dalam pembentukan dan pembangunan usahawan sejak kebelakangan ini tidak dapat dinafikan lagi, malah lebih ketara melalui beberapa pendekatan dan aktiviti- aktivitinya melalui dasar yang digubal dan melalui kegiatan agensi-agensi sokongan. Di Malaysia, bidang keusahawanan sedang rancak diperkembangkan melalui pendidikan, selaras dengan usaha untuk menjadikan bidang ini di antara bidang kerjaya yang diminati. Menurut Timmons dalam Zaharuddin (1995) menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan dan budaya niaga dapat dibangunkan

melalui pendidikan. Oleh yang demikian, kerajaan terus berusaha untuk membentuk budaya keusahawanan dalam masyarakat bumiputera.

Antara isu dan agenda yang perlu dimantapkan ialah pendidikan keusahawanan khususnya ilmu yang perlu dipelajari dan juga dipraktikkan. Pembentukan usahawan perlu bermula di bangku sekolah lagi. Pada peringkat ini lagi pelajar perlu didedahkan dengan ilmu keusahawanan supaya timbul minat untuk menceburi bidang keusahawanan. Pelajar telah diajar secara teori mengenai keusahawanan melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup di tingkatan 1 hingga tingkatan 3 dan mata pelajaran Perdagangan dan Keusahawanan di tingkatan 4 dan tingkatan 5. Seterusnya Pendidikan Keusahawanan terus disambung lagi hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Menurut Ashmore (1989), pendidikan keusahawanan ialah proses pembelajaran sepanjang hayat iaitu bermula daripada sekolah rendah dan berterusan hingga semua peringkat pendidikan.

Kurikulum pendidikan keusahawanan yang digubal dengan teliti akan melahirkan usahawan yang boleh mengawal kehidupan dan persekitarannya. Usahawan adalah orang yang mempunyai matlamat hidup, daya usaha dan penuh bersemangat. Inilah ciri-ciri peribadi yang perlu ditanam kepada setiap pelajar. Tanggungjawab guru adalah menyampaikan ilmu keusahawanan kepada masyarakat keseluruhannya yang terdiri daripada individu yang berbeza dari segi agama, sosial, ekonomi, politik dan mereka yang tidak mempunyai pengalaman perniagaan. Pelbagai cara telah dilakukan untuk memberi pendedahan awal tentang bidang keusahawanan. Di antaranya ialah melalui pendidikan iaitu dengan mewajibkan pelajar di peringkat sekolah menengah untuk mempelajari perniagaan dan keusahawanan terutamanya di sekolah-sekolah menengah Vokasional di Malaysia. Pendidikan keusahawanan telah lama diintegrasikan ke dalam program pengajian perniagaan di universiti di dalam negara mahupun di luar negara. Pendidikan keusahawanan yang ideal harus dapat memupuk semangat keusahawanan dan menyemai ciri-ciri keusahawanan dalam diri pelajar.

Sikap keusahawanan atau kecenderungan ke arah keusahawanan banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai hidup seseorang itu. Menurut Abd Rahim (2001), nilai

menjadi suatu “force” penting yang perlu diambil kira dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan. Nilai berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi, politik, sosial, etika, moral, kerohanian, teknologi, pendidikan, pengetahuan, falsafah dan wawasan. Perubahan nilai amat penting bagi masyarakat dan negara dalam menuju ke era yang lebih mencabar dan dinamik.

Kesimpulannya, kecenderungan ke arah keusahawanan memainkan peranan penting bagi melahirkan pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan memerlukan guru yang tampil dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif terhadap bidang keusahawanan.

1.2 Latarbelakang Masalah

Sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sistem pendidikan kebangsaan telah mengalami perubahan ke arah kemajuan dan pemantapan. Kini, pada abad ke 21, negara menghadapi cabaran dalaman dan luaran akibat daripada kesan globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Salah satu cabaran negara adalah untuk membangunkan satu sistem ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi bagi menghadapi persaingan dengan negara lain. Ekonomi baru ini memerlukan sokongan padu daripada sektor pendidikan yang merupakan elemen utama bagi menjayakan agenda negara.

Keusahawanan merupakan bidang kerja yang amat digalakkan dalam Islam. Sabda Rasulullah s.a.w, sembilan persepuluh dari rezeki adalah dalam bidang perniagaan. Ilmu pengetahuan mengenai keusahawanan sangat penting dalam bidang keusahawanan. Dalam era globalisasi dan K-ekonomi, penguasaan ekonomi sesebuah negara, organisasi mahupun individu adalah berdasarkan kekuatan pengetahuan yang berasaskan maklumat dan ilmu. Program-program pembangunan sumber manusia seperti pendidikan dan latihan kemahiran di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia bertujuan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir yang

mencukupi dan berkualiti. Ia dapat memenuhi keperluan tenaga manusia serta melahirkan warganegara yang berdisiplin, mendukung nilai moral yang tinggi dan beretika kerja yang baik. Ia adalah cabaran teras yang harus dipikul oleh semua warga pendidik di negara ini.

Menurut Yahya et al. (2006), matlamat persekolahan ialah mencorak dan membentuk sumber manusia yang berpotensi menjana pembangunan negara. Bagaimanapun isu ini masih menjadi persoalan yang kritikal kerana sistem persekolahan yang berfungsi mengembangkan potensi manusia masih menjadi tandatanya. Hal ini menyebabkan berlaku pembaziran bakat yang dimiliki oleh pelajar dan generasi muda Malaysia. Sistem persekolahan perlu menekankan kepada aspek pembangunan modal insan dan penekanan kepada penguasaan kemahiran.

Mata pelajaran keusahawanan mula diperkenalkan di peringkat sekolah menengah di Malaysia pada tahun 1989. Matlamat mata pelajaran keusahawanan ini adalah untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi, kenal faham ekonomi dan mempunyai sikap yakin diri, kreatif, inisiatif dan produktif serta boleh berinteraksi dengan baik (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992).

Di sekolah vokasional, mata pelajaran keusahawanan merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh setiap pelajar. Guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan keusahawanan haruslah mengintegrasikan kaedah pengajaran mereka dari segi teori dan praktikal. Antara objektif mata pelajaran keusahawanan adalah seperti berikut:

- a. membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas perniagaan dan keusahawanan yang menekankan amalan perniagaan termasuk aspek-aspek kewangan dan simpan kira, pengurusan perniagaan, etika dalam perniagaan dan pengeluaran.
- b. Membekalkan pelajar dengan pengetahuan kemahiran mengenai konsumerisme.
- c. Memupuk sikap berdikari, yakin diri, semangat ingin tahu, ingin mencuba dan tidak berputus asa, memperkembangkan inisiatif, daya mereka cipta serta

keupayaan mengenal pasti peluang perniagaan, menggunakan peluang perniagaan dengan bijaksana dan bertindak sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab.

- d. Meluaskan pemahaman dan mengamalkan prinsip asas perniagaan dan keusahawanan supaya boleh bertindak sebagai seorang pengguna atau pengeluar sejajar dengan nilai dan etika perniagaan.

(Pusat Perkembangan Kurikulum,1992)

Zaidatol dan Habibah (1987) menegaskan bahawa pada peringkat pendidikan tinggi, ilmu keusahawanan perlu dipelajari oleh semua pelajar walaupun mereka belajar dalam bidang yang berbeza-beza. Penglibatan pelajar dan guru dalam bidang keusahawanan tidak harus dipandang ringan dan diabaikan. Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga mempengaruhi pelajar. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan keusahawanan di sekolah haruslah dititikberatkan supaya apa yang dipelajari dapat dipupuk dan diamalkan oleh pelajar sendiri. Kejayaan sesuatu program yang dirancang bergantung pada pengamalan nilai-nilai baik dalam kehidupan pelajar. Pengajaran adalah gabungan aktiviti guru dan pelajar yang bertujuan menghasilkan pembelajaran.

Apabila mata pelajaran Pengajian Keusahawanan mulai diajar di sekolah pada tahun 2003, guru-guru yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengajar mata pelajaran ini akan terdiri daripada guru-guru untuk mata pelajaran perdagangan yang sedia ada (Jabatan Pendidikan Teknikal, 1999). Guru-guru ini dipilih kerana mereka mempunyai pengetahuan asas dalam bidang pendidikan perniagaan. Ini memandangkan pendidikan keusahawanan memang merupakan salah satu daripada topik yang penting dalam sukatan pelajaran perdagangan tingkatan lima yang meliputi 23% daripada keseluruhan kandungan sukatan pelajarannya. Oleh itu, mereka dianggap sebagai guru yang layak mengajar mata pelajaran pengajian keusahawanan jika dibandingkan dengan guru-guru dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional yang lain.

Sungguhpun begitu, ini tidak bermakna guru-guru bagi mata pelajaran perdagangan berkemampuan untuk melaksanakan pengajaran pendidikan

keusahawanan dengan berkesan. Seorang guru yang bersedia atau berkemampuan untuk mengajar Pengajian Keusahawanan harus merupakan seorang guru yang mempunyai kefahaman yang mendalam tentang konsep keusahawanan yang akan diajar di dalam kelas, dapat menguasai isi kandungan mata pelajaran tersebut dan dapat mengamalkan kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan, di samping mempunyai sikap dan minat yang positif terhadap mata pelajaran tersebut. Ini bermakna guru yang daripada aliran biasa juga layak mengajar keusahawanan kepada pelajar.

Menurut Akmaliah dan Habibah (2000) menyatakan bahawa pengajaran ialah suatu tindakan yang kompleks. Guru yang baik perlu kreatif dan berusaha mencari jalan memotivasikan pelajar yang lemah supaya berminat belajar, menggalakkan pelajar yang berkebolehan untuk menerima cabaran-cabaran baru dan membimbing pelajar untuk mencapai matlamat akademik mereka. Menurut Akmaliah dan Habibah (2000) lagi, guru-guru bidang perniagaan dan keusahawanan mestilah dilengkapi dengan pengalaman perniagaan sebenar kerana melaluinya guru-guru berkenaan akan dapat atau mempunyai lebih pengetahuan dalam memahami keperluan amalan perniagaan, lebih keyakinan dan lebih keupayaan untuk menarik minat dan menanam rasa penuh percaya kepada para pelajar.

Memahami pola kepercayaan guru sangat penting kerana kepercayaan pendidikan atau orientasi nilai guru mempengaruhi pertimbangan guru terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka terhadap perubahan pendidikan (Einsner 1992: Einnis et al., 1997). Dalam melaksanakan dan merealisasikan inovasi pendidikan, peranan guru sangat penting. Sebagai pelaksana, guru menentukan sejauh mana sesuatu inovasi boleh dan akan dilaksanakan. Menurut Mohd Majid (1999), inovasi diperkenalkan di atas kepercayaan untuk meningkatkan mutu pendidikan. Kita masih kurang memahami dan jarang memberi tumpuan terhadap hubungan antara inovasi dan perubahan pendidikan dengan perkembangan guru. Oleh itu, inovasi pendidikan yang melibatkan bidang keusahawanan perlu berorientasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam bidang keusahawanan.

Usahawan adalah orang yang mempunyai matlamat hidup, daya usaha dan penuh bersemangat. Ciri-ciri peribadi ini perlu ditanamkan kepada setiap murid. Pendidikan Perdagangan dan Keusahawanan sepatutnya memberikan maklumat dan kebolehan mengenai nilai perseorangan dan warganegaraan kepada individu dan juga memberikan pendidikan vokasional yang lengkap untuk mengenal pasti kerjaya dalam masyarakat moden ini (Akmaliah dan Habibah, 2000). Peningkatan kemahiran mengajar guru-guru hendaklah diselaraskan dengan pemupukan sikap-sikap positif supaya matlamat pendidikan sebenar tercapai.

Aspek keusahawanan kini dimasukkan dalam semua sukatan pelajaran sekolah dan institusi tinggi secara merentas kurikulum bagi memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan (Berita Harian, 5 Januari 2006). Oleh itu, kajian ini amat perlu dan penting bagi meninjau kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan. Pendedahan dan penekanan terhadap peranan bidang keusahawanan perlu ditingkatkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah berupaya mengenal pasti, membentuk dan mempengaruhi pelajar yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan. Ia bukan sekadar melahirkan usahawan malahan untuk membentuk dan mendidik pelajar yang memiliki ciri-ciri dan nilai-nilai keusahawanan. Nilai pendidikan keusahawanan dipengaruhi oleh kebolehan, kemahiran dan persediaan guru. Guru bukan sahaja berperanan untuk mengajar malahan ia juga bertanggungjawab untuk membentuk keseluruhan pendidikan murid. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap keusahawanan.
2. Mengenalpasti tahap kemahiran guru dalam bidang keusahawanan.
3. Mengenalpasti sikap guru terhadap keusahawanan.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap pengetahuan guru terhadap keusahawanan?
2. Apakah tahap kemahiran guru dalam bidang keusahawanan?
3. Apakah sikap guru terhadap keusahawanan?

1.6 Kepentingan Kajian

Pendedahan kepada guru di dalam dunia keusahawanan amat penting dalam menyampaikan proses pengajaran. Oleh itu adalah menjadi harapan agar kajian ini boleh memberi sedikit panduan dan maklumat untuk menilai kesediaan guru terhadap bidang keusahawanan dan calon guru yang paling sesuai dipilih untuk mengajar keusahawanan. Di antara kepentingan kajian ini adalah:-

1. Membantu mengenali ciri-ciri guru yang sesuai mengajar dalam bidang keusahawanan.
2. Memberi kesedaran dan perubahan sikap yang positif terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan.
3. Membantu guru mengenalpasti pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam keusahawanan.
4. Membantu pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap pendidikan keusahawanan di masa akan datang.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan 94 orang guru tahun akhir yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) di Universiti Teknologi Malaysia. Guru-guru ini merupakan guru-guru yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (4 SPH) yang bakal diserapkan ke sekolah menengah harian atau Sekolah Menengah Teknik di seluruh Malaysia.

Penyelidikan ini meninjau kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan. Penyelidikan ini merupakan kajian asas di peringkat awal yang sangat memerlukan kajian susulan. Penyelidikan ini dibuat untuk mengenalpasti kecenderungan guru-guru PKPG (4 SPH) dari segi tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Kecenderungan

Perkataan ‘kecenderungan’ berasal daripada kata ‘cenderung’ yang bermaksud “menaruh minat (keinginan, kasih dan sebagainya) terhadap sesuatu, suka (akan sesuatu atau melakukan sesuatu), menunjukkan kegemaran kepada”. Jadi, ‘kecenderungan’ bermaksud ‘kesukaan (keinginan, kemahuan), kecondongan (bukan bakat, hati).

(Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2000)

Dalam kajian ini, kecenderungan membawa maksud keinginan dan minat guru-guru PKPG (4 SPH) terhadap bidang keusahawanan.

1.8.2 Guru PKPG

Guru adalah penyampai pengetahuan, maklumat dan ilmu. Mereka juga sebagai pembimbing, pengasuh, pemeriksa, penilai dan pembentuk generasi sesebuah negara. Menurut Esah (2002), guru tidak sahaja mendidik dan menajamkan intelek anak didiknya tetapi pada masa yang sama guru juga membentuk peribadi, mendidik rohani, emosi dan fizikalnya.

PKPG merupakan program yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mensiswazahkan guru-guru yang belum mempunyai ijazah. Guru PKPG (4SPH) merupakan guru-guru yang sedang mengikuti kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan dalam pengkhususan Kemahiran Hidup di bawah bahagian Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia di mana mereka akan menamatkan pengajian dan seterusnya mengajar dalam bidang PTV atau Kemahiran Hidup di sekolah kelak. Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha menyediakan 100 peratus guru siswazah terlatih bagi sekolah menengah dan 50 peratus bagi sekolah rendah. Tenaga pengajar yang berijazah ini penting untuk memastikan tenaga pengajar mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

1.8.3 Keusahawanan

Keusahawanan ialah suatu disiplin ilmu yang boleh dipelajari. Ia memberi pengetahuan bagaimana menjadi usahawan, cara untuk menjadi kreatif, mengenal pasti, merancang dan melaksanakan perancangan dan memulakan perniagaan. Keusahawanan juga tidak boleh dipisahkan daripada perniagaan atau perusahaan (Khaairuddin, 1996).

Menurut Yep Putih (1985), keusahawanan merujuk kepada kebolehan, kemampuan dan kecenderungan usahawan untuk melakukan perkara berikut:

- i. mengenalpasti peluang perniagaan.
- ii. mengendalikan usaha perniagaan yang menguntungkan diri sendiri dan masyarakat.
- iii. memperoleh kejayaan melalui usaha-usaha yang dapat memenuhi keperluan masyarakat.
- iv. mendapatkan kekayaan dengan berusaha memenuhi keperluan masyarakat, menanggung risiko yang telah dijangka.
- v. mentadbir dan menggunakan faktor-faktor pengeluaran bagi mewujudkan pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial.
- vi. sentiasa berusaha dan bersedia untuk membuat pembaharuan yang dapat meningkatkan daya pengeluaran dari semasa ke semasa.

1.8.4 Pengetahuan

Kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (2000), memberi maksud pengetahuan merupakan segala ilmu yang berkaitan dengan komponen-komponen di dalam sesuatu kurikulum. Dalam kajian ini, aspek pengetahuan adalah merujuk kepada pengetahuan teori guru-guru dari segi konsep keusahawanan, program-program dan kursus serta pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran.

1.8.5 Kemahiran

Kemahiran bermaksud kecekapan, kepandaian untuk mengerjakan sesuatu atau boleh diistilahkan sebagai kebolehan mental, sosial atau fizikal yang diperoleh terutamanya hasil daripada latihan dan amalan secara berterusan dan berulang-ulang (Kamus Dewan, 2002).

Dalam kajian ini, kemahiran bermaksud keupayaan atau kemampuan guru-guru PKPG (4 SPH) dalam aspek pelaksanaan aktiviti dan program keusahawanan, pengurusan dan hubungkait dengan mata pelajaran yang diajar oleh guru.

1.8.6 Sikap

Sikap didefinisikan sebagai satu predisposisi atau kecenderungan untuk sesuatu respon dengan cara-cara tertentu terhadap dunia sekitarnya, baik berupa individu-individu atau objek-objek tertentu (Baharom, 1999). Sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran merupakan satu faktor penting kerana ia mempunyai hubungkait yang rapat dengan pembelajaran dan pencapaian seseorang pelajar dalam sesuatu matapelajaran. Menurut Syarifah Alwiah (1987), sikap adalah pembawaan yang dipengaruhi oleh emosi untuk bergerak balas dengan cara yang tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, isu-isu, latihan ataupun benda.

Dalam kajian ini, sikap dikaitkan dengan sikap positif terhadap keusahawanan dan minat guru terhadap keusahawanan. Peranan sikap ini sangat penting dalam menjalani kehidupan seharian untuk melahirkan masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai keusahawanan dalam kehidupan mereka.